

TEMA 1

Kenal pasti kata nama khas yang terdapat dalam petikan.

Najmi dan keluarga akan ke Padang Besar, Perlis. Mereka ke sana dengan menaiki kereta api elektrik. Lokasi pertama yang dituju ialah Inap Desa Warisan Duyung milik Encik Farooq.

Sepanjang berada di sana, ayah Najmi, iaitu Encik Kamarul telah menyewa sebuah kereta Proton X50. Hal ini bagi membolehkan mereka bergerak dengan mudah.

Setelah penat berjalan, ayah Najmi membawa mereka makan malam. Rata-rata setiap kedai dipenuhi pelanggan. Mereka memilih Restoran Api-Api Ikan Bakar. Mereka berselera menikmati hidangan. Setelah kenyang, mereka pulang ke inap desa untuk berehat dan melepaskan lelah.

